

TRANSFORMASI MASJID SEBAGAI HAB DAKWAH HOLISTIK DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

Muhamad Amar Mahmad
E-mel: m.amar@uum.edu.my

Muhammad Afnan Muhamad Amar
E-mel: afnanamar09@gmail.com

Nik Sofri Nik Abdul Hamid
E-mel: niksofri79@gmail.com

ABSTRAK

Transformasi institusi masjid sebagai hab dakwah holistik merupakan keperluan mendesak dalam menjawab cabaran sosial, spiritual dan intelektual masyarakat Malaysia masa kini. Sejarah awal Islam menunjukkan bahawa masjid di bawah kepimpinan Rasulullah SAW bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi turut memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran, pendidikan, kebajikan dan perpaduan ummah. Namun, dalam konteks kontemporari, peranan masjid dilihat semakin menyempit kepada aktiviti ritual semata-mata. Kajian ini bertujuan meneliti usaha transformasi masjid ke arah fungsi yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi sebagai pusat dakwah masyarakat. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan pemerhatian lapangan, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan program dakwah yang pelbagai, inklusif dan mesra komuniti mampu menggalakkan penglibatan aktif masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Implikasinya, masjid perlu diberi nafas baharu melalui tadbir urus yang progresif, kepimpinan berwibawa serta pendekatan dakwah yang strategik dan kontekstual agar terus relevan sebagai institusi pemacu pembangunan ummah secara holistik.

Kata kunci: Transformasi; Masjid, Dakwah Holistik; Komuniti; Pembangunan Ummah

1. PENDAHULUAN

Masjid merupakan institusi yang sangat signifikan dalam kehidupan masyarakat Islam, bukan sahaja sebagai tempat ibadah dan pelaksanaan ritual keagamaan, tetapi juga sebagai pusat pembinaan ummah yang menyeluruh. Pandangan yang menyempitkan fungsi masjid kepada aspek spiritual semata-mata perlu dimurnikan agar masyarakat Islam dapat memahami hakikat sebenar peranan masjid dalam sejarah dan realiti semasa. Dalam tradisi Islam, masjid merupakan institusi yang bersifat multidimensi, merangkumi fungsi pendidikan, pentadbiran, sosial, ekonomi dan kebajikan. Peranan strategik ini dapat ditelusuri melalui sirah Rasulullah SAW, khususnya ketika penghijrahan baginda dari kota Mekah ke Madinah. Di awal permukiman tersebut, pembinaan Masjid Quba' dan seterusnya Masjid Nabawi bukan sahaja menjadi asas kepada pelaksanaan ibadah, bahkan berfungsi sebagai pusat dakwah, penyatuan kaum, penyelesaian konflik, serta perancangan strategi pembangunan masyarakat Islam. Kecemerlangan fungsi masjid pada era kenabian ini menjadi model ideal yang wajar diteladani dan disesuaikan dalam konteks semasa.

Namun, dalam masyarakat moden, transformasi peranan masjid masih menghadapi pelbagai cabaran dari sudut struktur tadbir urus, keterlibatan komuniti, serta pendekatan dakwah yang kurang menyeluruh. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk merangka semula fungsi masjid secara holistik agar ia mampu menjadi hab dakwah yang berkesan dan relevan dalam menangani isu-isu kontemporari masyarakat Malaysia.

2. KEDUDUKAN MASJID MENURUT PESPEKTIF ISLAM

Masjid merupakan institusi ibadah yang sangat signifikan dalam kehidupan umat Islam di seluruh dunia, dan menjadi lambang kesatuan serta perpaduan ummah. Dalam sejarah pembentukan tamadun Islam, masjid sering menjadi struktur pertama yang dibangunkan sama ada oleh pihak pemerintah mahupun melalui inisiatif masyarakat. Kewujudannya melangkaui fungsi ritual semata-mata, malah menjadi pusat aktiviti sosial, pendidikan, pentadbiran dan kebajikan yang menyatu dalam kehidupan masyarakat Islam.

Dari sudut etimologi, istilah “masjid” berasal daripada bahasa Arab, daripada akar kata *sajada–yasjudu–sajdan*, yang membawa makna sujud, taat, patuh dan tunduk dengan penuh rasa kehambaan (Syauqi, 2004). Kamus al-Munjid (1986) mentakrifkan masjid sebagai tempat bersujud, manakala dari perspektif syarak, ia merujuk kepada seluruh permukaan bumi yang boleh digunakan untuk bersolat, berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)” (al-Bukhari & Muslim).

Dari sudut istilah (‘urf), masjid ditakrifkan sebagai tempat yang dikhususkan untuk pelaksanaan ibadah solat secara berjemaah secara tetap dan berterusan (Mu‘jam Lughat al-Fuqaha, 2010). Kamus Dewan (Noresah, 2007) mendefinisikan masjid sebagai bangunan khas yang digunakan oleh umat Islam untuk menunaikan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Mohammad Tajuddin (1998) pula menjelaskan masjid sebagai “*a building used by Muslims for the performance of prayer*” dalam konteks seni bina semasa. Manakala menurut Lokman Abd Rahman et al. (1996), masjid ialah satu binaan yang digunakan untuk sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat, beriktikaf dan pelbagai ibadah lain serta mempunyai kehormatan-kehormatan khusus yang wajib dipelihara.

Secara keseluruhannya, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai ruang ibadah, tetapi juga sebagai platform penting dalam kehidupan masyarakat Islam untuk menunaikan solat berjemaah, menuntut ilmu, membincangkan kemaslahatan ummah dan menjadi hab utama dalam menyampaikan serta menyebarkan dakwah Islam. Peranan ini menjadi asas yang kukuh untuk menjadikan masjid sebagai institusi yang berdaya saing dan relevan dalam menghadapi cabaran zaman moden.

3. TRANSFORMASI MASJID SEBAGAI HAB DAKWAH DALAM MASYARAKAT

Dalam merealisasikan peranan masjid sebagai hab dakwah yang berkesan dalam masyarakat kontemporari, terdapat beberapa isu kritikal yang perlu diberi perhatian serius dan ditangani secara strategik. Kegagalan mengenal pasti dan mengurus isu-isu ini secara tuntas boleh menjejaskan potensi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu, pembinaan sahsiah, dan pemeraksanaan komuniti. Oleh itu, beberapa aspek utama perlu dipertimbangkan dengan teliti, antaranya termasuk:

3.1 Revitalisasi Masjid sebagai Hab Ilmu

Revitalisasi masjid sebagai hab ilmu merupakan suatu keperluan mendesak dalam usaha mengembalikan peranan asal masjid sebagai pusat pembangunan intelektual dan pembentukan jatidiri ummah. Sejarah Islam memperlihatkan bagaimana masjid pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat berfungsi bukan sekadar tempat ibadah ritual, malah menjadi institusi pendidikan yang melahirkan generasi ilmuwan, pemimpin dan pendakwah yang berwibawa. Namun, dalam konteks kontemporari, fungsi keilmuan masjid dilihat semakin terpinggir akibat pelbagai cabaran termasuk

kekangan pengurusan, kurangnya pengisian ilmiah yang sistematik, dan kelemahan dalam merancang program pendidikan berasaskan keperluan masyarakat setempat.

Fungsi keilmuan masjid terbukti dalam sejarah peradaban Islam seperti di Masjid Zaituna di Tunisia, Masjid Qarawiyyin di Maghribi dan Masjid al-Azhar di Mesir, yang pada awalnya hanyalah masjid biasa namun berkembang menjadi institusi pendidikan yang unggul dan melahirkan ramai cendekiawan tersohor (Ahmad Amin, 1993; Makdisi, 1981).

Dalam konteks kontemporari, masjid berpotensi untuk mengembalikan peranan tersebut dengan menyediakan program pengajian tidak formal yang merangkumi aspek fardhu 'ain seperti aqidah, feqah, tasawwuf, serta ilmu fardhu kifayah yang berkaitan dengan kemahiran hidup. Menurut Zainal Abidin (2020), pendekatan pendidikan inklusif di masjid seperti ini mampu mengukuhkan jati diri umat Islam dan menangani cabaran era globalisasi. Tambahan pula, masjid boleh menawarkan kelas tuisyen percuma atau berbayar dengan kadar minimum sebagai intervensi sokongan kepada pelajar yang lemah, terutamanya dalam komuniti B40.

Selain program pengajian, penyediaan perpustakaan mesra pengguna di masjid juga dapat menyemarakkan budaya ilmu. Perpustakaan ini perlu dilengkapi dengan bahan bacaan keagamaan dan juga sumber akademik dari pelbagai disiplin seperti sains, sejarah, teknologi, politik dan ekonomi. Pendedahan kepada bacaan bercorak umum dan santai seperti majalah, komik dan novel juga wajar diberi perhatian bagi menarik minat pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan muda (Yusof & Hashim, 2018).

Whittaker (1972) berpandangan bahawa antara sebab perpustakaan kurang dikunjungi adalah kerana bahan bacaannya tidak memenuhi keperluan semasa pengguna. Justeru, masjid perlu menitikberatkan pemilihan bahan bacaan yang terkini dan relevan dengan keperluan masyarakat. Namun demikian, seperti yang diingatkan oleh Nurlela dan Maksum (2004), pihak pengurusan masjid perlu memastikan pengawasan rapi terhadap kandungan bahan-bahan bacaan agar bebas daripada unsur penyelewengan, khususnya dalam konteks rujukan keagamaan.

Melalui usaha ini, masjid bukan sahaja berperanan dalam menyebarkan ilmu, malah dapat memperkukuh fungsinya sebagai hab dakwah yang inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat moden. Ini sejajar dengan matlamat maqasid syariah dalam memelihara agama dan akal serta membina masyarakat berilmu dan berdaya saing (Kamali, 2008).

3.2 Masjid sebagai Hab Intervensi Psikososial Masyarakat

Dalam era globalisasi dan tekanan kehidupan moden yang semakin mencabar, isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya remaja, kian membimbangkan. Pelbagai faktor seperti ketidakstabilan ekonomi, tekanan akademik, persekitaran sosial yang toksik serta desakan gaya hidup kontemporari telah menyumbang kepada peningkatan kes kemurungan, keresahan, dan pemikiran untuk membunuh diri. Menurut dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022, seramai 424,000 orang kanak-kanak di Malaysia dilaporkan mengalami masalah kesihatan mental. Statistik tersebut menunjukkan peningkatan yang membimbangkan berbanding NHMS 2012, khususnya dalam kalangan remaja perempuan yang direkodkan dua kali ganda lebih cenderung mengalami kemurungan berbanding remaja lelaki.

Lebih mengejutkan, data NHMS 2022 mendapati 13.1% remaja pernah terfikir untuk membunuh diri, berbanding hanya 7.9% pada tahun 2012. Manakala 9.5% dilaporkan pernah mencuba untuk

membunuh diri, menunjukkan peningkatan signifikan berbanding 6.8% pada tahun 2012. Trend ini secara langsung menggambarkan kemerosotan kesejahteraan psikososial dalam kalangan belia Malaysia sepanjang satu dekad yang lalu, dan mencetuskan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa, pendidik, pembuat dasar serta masyarakat umum (IKIM, 2023).

Sehubungan itu, institusi masjid sebagai pusat komuniti Muslim perlu mengambil peranan lebih aktif dan strategik dalam menyantuni isu kesihatan mental masyarakat. Peranan tradisional masjid sebagai pusat ibadah semata-mata perlu diperluas kepada fungsi sokongan sosial dan psikologi. Meskipun pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan perkhidmatan kaunseling individu, keluarga, kerjaya dan kelompok, peranan masjid masih signifikan terutamanya dalam mendekati masyarakat pada peringkat akar umbi melalui pendekatan spiritual dan kepercayaan agama yang kukuh.

Kajian menunjukkan bahawa pendekatan kaunseling berteraskan nilai-nilai Islam mampu memberi impak positif kepada kesejahteraan mental individu (Abdul Halim El-Muhammady, 2019). Justeru, pegawai-pegawai masjid seperti imam, bilal dan siak seharusnya diberi latihan khusus dalam bidang kaunseling asas dan motivasi agar mereka dapat berperanan sebagai pemudah cara (facilitator) dalam isu-isu sosial dan psikologi komuniti setempat.

Selain itu, pihak pengurusan masjid disarankan menyediakan satu mekanisme sokongan yang menyeluruh termasuk penganjuran program motivasi remaja, forum kesihatan mental Islamik, serta sesi kaunseling berkala dengan kerjasama pakar psikologi Muslim. Untuk memastikan kelestarian perkhidmatan ini, insentif seperti elaun khas bulanan atau skim penghargaan boleh dipertimbangkan oleh jawatankuasa masjid kepada pegawai yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kaunseling dan motivasi komuniti.

Pengupayaan masjid dalam bidang kaunseling bukan sahaja dapat mengisi jurang keperluan psikososial masyarakat, bahkan memperkuat kedudukan masjid sebagai institusi pemulihan spiritual dan emosi umat Islam. Hal ini selaras dengan maqasid syariah yang menitikberatkan penjagaan akal dan jiwa (hifz al-‘aql dan hifz al-nafs) sebagai salah satu objektif utama syariat Islam.

3.3 Pendigitalan Masjid ke arah Pengurusan Maklumat dan Penyampaian Dakwah Berkesan

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam era Revolusi Industri 4.0 telah mencetuskan perubahan besar dalam cara masyarakat berinteraksi, memperoleh maklumat, dan mengurus kehidupan seharian. Seiring dengan perubahan tersebut, institusi masjid juga wajar melakukan transformasi agar tidak ketinggalan dalam menyantuni keperluan spiritual, intelektual dan sosial umat Islam. Salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah penyediaan kemudahan teknologi maklumat bagi memperkasa fungsi masjid dalam konteks pengurusan, penyampaian dakwah dan pembangunan komuniti.

Penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok secara optimum mampu menjadi alat penyebaran maklumat yang efektif kepada masyarakat setempat. Melalui platform ini, pihak pengurusan masjid boleh menyalurkan informasi tentang aktiviti, program keagamaan dan inisiatif komuniti secara lebih cepat, luas dan mesra pengguna. Pendekatan ini dilihat amat berkesan dalam menarik minat golongan muda dan mereka yang lebih cenderung kepada komunikasi digital. Menurut Al-Qarni (2011), pendekatan dakwah moden perlu beradaptasi dengan corak komunikasi massa agar mesej Islam sampai kepada khalayak yang pelbagai dengan lebih berkesan.

Tambahan pula, penyiaran kuliah, ceramah, tazkirah dan forum ilmu secara langsung atau rakaman melalui saluran digital telah menjadi norma baharu dalam usaha mengimarahkan masjid. Beberapa entiti dakwah seperti PROmedia Tajdid, ZonKuliah, Munir Media dan Indahnya Taman Syurga telah membuktikan kejayaan pendekatan ini dalam memperluaskan akses kepada ilmu tanpa batasan geografi. Kajian oleh Shuhadak Mahmud dan Iknor Azli Ibrahim (2014) mendapati bahawa penggunaan platform digital berupaya merencanakan penglibatan komuniti dengan masjid serta meningkatkan tahap literasi agama dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda yang tidak dapat hadir secara fizikal ke masjid atas faktor pekerjaan, kesihatan, atau kekangan masa.

Selain menjadi medium penyebaran ilmu, penggunaan teknologi maklumat juga berperanan dalam memperkukuh aspek pengurusan dan kewangan masjid. Penggunaan aplikasi kewangan digital, sistem pengurusan ahli kariah, dan platform derma serta wakaf atas talian telah memudahkan proses pengumpulan serta pelaporan dana. Ini selaras dengan dapatan Lukman dan Musa (1996) yang menegaskan bahawa pengurusan kewangan masjid harus bersifat menyeluruh dan profesional, meliputi aspek ibadah, pendidikan, ekonomi, dan hubungan antarabangsa agar masjid benar-benar memainkan peranan sebagai institusi yang menyumbang kepada pembangunan umat secara holistik. Perkongsian aktiviti masjid secara konsisten melalui media sosial juga memberi kesan psikologi kepada penyumbang. Mereka lebih terdorong untuk memberi apabila melihat dana disalurkan kepada aktiviti yang bermanfaat dan lestari. Ini juga memberi kesan langsung kepada kepercayaan awam terhadap pengurusan masjid, yang seringkali dikaitkan dengan isu ketelusan dan keberkesanan agihan dana. Justeru, masjid bukan sahaja perlu menyediakan infrastruktur teknologi yang mencukupi, tetapi juga membangunkan sistem komunikasi yang strategik dan beretika bagi memelihara imej serta kredibiliti institusi tersebut.

Dalam konteks ini, transformasi digital masjid harus dilihat bukan sekadar adaptasi kepada teknologi, tetapi sebagai satu strategi jangka panjang yang merangkumi latihan sumber manusia, kolaborasi dengan agensi teknikal, serta pelibatan aktif komuniti dalam pembangunan aplikasi dan kandungan digital Islamik. Menurut Salleh et al. (2020), inovasi teknologi dalam institusi keagamaan berpotensi menjadi pemangkin kepada pemerikasaan komuniti Islam jika dilaksanakan dengan pendekatan yang sistematik, inklusif dan berteraskan maqasid syariah.

Secara keseluruhannya, kemajuan teknologi maklumat menawarkan ruang yang luas kepada institusi masjid untuk menambah baik penyampaian dakwah, pengurusan maklumat dan penglibatan komuniti. Dalam mendepani cabaran globalisasi, masjid harus menjadi entiti yang bukan sahaja berakar pada tradisi, tetapi juga progresif dalam pendekatan dan pelaksanaan fungsinya melalui inovasi digital yang strategik dan berimpak tinggi.

3.4 Masjid Sebagai Destinasi Pelancongan dan Kemudahan Penginapan Muslim

Dalam landskap pelancongan moden yang berasaskan nilai, konsep *Islamic Tourism* atau pelancongan patuh syariah semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong Muslim global. Malaysia, sebagai sebuah negara Islam yang progresif, berpotensi besar untuk memperkasa institusi masjid sebagai salah satu komponen penting dalam ekosistem pelancongan Islam. Masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadah semata-mata, malah boleh ditransformasi sebagai pusat perhentian strategik bagi pelancong Muslim, sama ada untuk beristirahat, bermalam, mendapatkan informasi, mahupun menikmati pengalaman spiritual dan kebudayaan Islam.

Kajian oleh Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Muhammad Yusuf Saleem (2016) menekankan keperluan institusi masjid untuk berperanan lebih proaktif dalam bidang pelancongan, termasuk

menyediakan kemudahan penginapan seperti rumah tumpangan (*homestay*), ruang istirahat dan perkhidmatan asas pelancong. Model seperti yang dilaksanakan di Masjid Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan Masjid Osmaniah, Perlis boleh dijadikan contoh bagaimana masjid boleh memainkan peranan dwi-fungsi sebagai pusat ibadah dan destinasi pelancongan berorientasikan komuniti Muslim (Noor Fiteri, 2013). Kemudahan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada para musafir Muslim, bahkan turut membuka peluang ekonomi baharu kepada pihak pengurusan masjid.

Pendekatan ini sejajar dengan maqasid syariah dari aspek menjaga agama (*hifz al-din*) dan menjaga nyawa serta kemaslahatan (*hifz al-nafs wa al-mal*), di mana pelancong Muslim dapat menunaikan ibadah dalam suasana yang kondusif, selesa dan selamat. Selain itu, inisiatif ini turut dapat menjana sumber kewangan yang berterusan kepada masjid melalui aktiviti pelancongan dan penginapan, tanpa bergantung semata-mata kepada sumbangan konvensional seperti derma dan tabung masjid.

Dalam konteks hubungan antara agama, penyediaan ruang lawatan serta kemudahan asas untuk pelancong bukan Islam juga wajar dipertimbangkan oleh pihak pengurusan masjid. Pendekatan ini bukan sahaja sejajar dengan prinsip dakwah bil hal (dakwah melalui tindakan), bahkan mampu memecahkan stigma negatif terhadap Islam yang sering dikaitkan dengan ekstremisme, radikalisme dan ketertutupan. Penyelidikan oleh Butler et al. (2014) menyatakan bahawa antara cabaran utama dalam promosi pelancongan Islam ialah persepsi umum bahawa masjid adalah ruang eksklusif yang tidak boleh diakses oleh bukan Muslim. Hal ini berbeza dengan tempat ibadah agama lain seperti kuil Buddha dan Hindu yang lebih terbuka kepada lawatan awam tanpa batasan ketat.

Justeru, pendidikan awam serta penerangan yang berterusan perlu dilakukan oleh pihak berwajib, khususnya pengurusan masjid, bagi membina persepsi yang lebih inklusif terhadap fungsi masjid dalam masyarakat majmuk. Perkara ini telah diperjelaskan melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-90 pada 1 Mac 2010, yang mengharuskan pelancong bukan Islam memasuki masjid dan ruang solat utama dengan syarat mendapat kebenaran pengurusan masjid serta mematuhi garis panduan adab dan kesopanan yang ditetapkan (JAKIM, 2015). Pelancong bukan Islam dikehendaki menjaga aurat, tidak membuat bising, serta tidak mencemarkan kesucian masjid. Inisiatif-inisiatif seumpama ini jika diurus secara sistematik, berpotensi besar untuk menjadikan masjid sebagai destinasi pelancongan berimpak tinggi yang bukan sahaja menjana ekonomi setempat, malah memperkukuh hubungan antara budaya, agama dan bangsa. Pelancongan berteraskan masjid juga dapat menyumbang kepada pemerkasaan imej Islam sebagai agama yang terbuka, ramah, dan bersifat rahmat kepada seluruh alam (*rahmatan lil 'alamin*).

4. KESIMPULAN

Dalam konteks pembangunan masyarakat Islam kontemporari, institusi masjid tidak lagi boleh dilihat secara sempit sebagai pusat ibadah ritual semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai sebuah institusi sosial yang holistik, dinamik dan responsif terhadap keperluan zaman. Firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah, ayat 18 menegaskan bahawa pemakmuran masjid adalah amanah yang dipikul oleh orang-orang beriman yang benar-benar tunduk kepada Allah, sekali gus menandakan bahawa tanggungjawab terhadap masjid merangkumi aspek yang lebih luas daripada sekadar pelaksanaan ibadah individu. Hubungan simbiotik antara masyarakat dan masjid perlu diterjemahkan dalam bentuk peranan strategik yang dimainkan oleh institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, termasuk dalam aspek pendidikan, kebajikan, ekonomi, psikososial dan teknologi. Maka, pemerkasaan masjid sebagai hab komuniti yang menyeluruh (*one-stop centre*) adalah suatu keperluan

yang mendesak, bukan hanya untuk menjamin kesinambungan fungsi asal masjid sebagai pusat spiritual, tetapi juga sebagai agen perubahan sosial dan pembangunan insan.

Oleh itu, usaha memodenkan dan mempelbagaikan fungsi masjid harus dilaksanakan secara bersepadu dan lestari, dengan mengambil kira cabaran semasa serta keperluan masyarakat setempat. Pengurusan masjid juga perlu dibangunkan berteraskan prinsip tadbir urus yang baik, keterbukaan terhadap masyarakat majmuk, serta penggunaan teknologi maklumat secara optimum. Hanya dengan pendekatan yang strategik dan inklusif, institusi masjid dapat memainkan peranan signifikan dalam membina masyarakat Islam yang sejahtera, progresif dan berdaya saing dalam kerangka negara Madani.

5. RUJUKAN

- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). Strategi pembangunan ekonomi masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
- Ahmad Amin. (1993). *Dhuha Al- Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. (2007). *Falsafah dan Fungsi Masjid dalam Islam*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2007, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Butler, G., Khoo-Lattimore, C. & Mura, P. (2014). Heritage tourism in Malaysia: Fostering a collective national identity in an ethnically diverse country. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 19(2): 199–218. doi:10.1080/10941665.2012.735682 .
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. www.islam.gov.my%0Awww.e-fatwa.gov.my.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4.
- Lukman & Musa. (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid, Melaka*: Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka.
- Lokman Ab. Rahman. (2000). *Imarah Masjid Masa Kini*. Penerbitan Bersama JAIM dan MAIM. Bkt Katil, Melaka.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1999). *Peranan, Kurikulum Dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurlela dan Maksum. 2004. Akses Informasi dan Persepsi Diklat Terhadap Jasa Perpustakaan. *Jurnal Perpustakaan Pertanian*, Vol.13 No 3. 2004.
- Noor Fiteri, A. Masjid mengendalikan penginapan: Pilihan alternatif kepada industri pelancongan. Terengganu International Tourisme Conference. https://www.academia.edu/4376912/Masjid_MenghasilkanPenginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan.
- Qalcaji, Muhammad Rawas. 2010. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Beirut: Dar an-Nafaes.
- Shuhadak Mahmud, Iknor Azli Ibrahim. 2014. Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarah Masjid di Negeri Sembilan. *Jurnal al-Hikmah*. Jilid 6, No.2.
- Syauqi, D. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Uwais, Abd al-Halim. 2004. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa
- Whittaker, Kenneth. 1972. *The Basics of Library Based User Services*. London: Library Association Publishing.
- <https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/11/17/tingkatkan-literasi> (akses pada 07 Jun 2024).
- <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php> (akses pada 07 Jun 2024).